

- Revisi  
JAS - ptt  
8/3/06

**UCAPAN ALUAN**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU ALAM**  
**SEKITAR MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN,**  
**KLUANG, JOHOR DARUL TAKZIM**  
**Oleh**  
**YB MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR**  
**21 OKTOBER 2003**

Y.A.B. Dato' Haji Abdul Ghani Othman  
Menteri Besar Johor Darul Ta'azim

Y.B. Dato' Haji Zainal Dahalan  
Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar

YB Dato' Dr. Chua Soi Lek  
Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri  
Johor, Merangkap  
Pengerusi Jawatankuasa Bersama Sambutan Minggu Alam Sekitar  
Malaysia (MASM) 2003,

Yang berhormat-Yang Berhormat  
Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Yang Bertanggungjawab Terhadap  
Alam Sekitar,

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor,

YB Dato' Haji Mohd. Razali bin Mahusin  
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

Y.Bhg. Dato' Leong Ah Hin,  
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Y. Berusaha Puan Hajah Rosnani Ibarahim  
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

Dif-Dif Kehormat,  
Dato'-Dato', Datin-Datin,  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum wrt dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya bagi pihak seluruh Jawatankuasa Penganjur Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) 2003 ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim di bawah pimpinan Y.A.B. Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor Darul Ta'zim di atas kesudian menjadi tuan rumah bagi sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia Peringkat Kebangsaan bagi kali ke 13 ini. Sambutan kali ini memberi peluang untuk kita berada di Daerah Kluang yang sedang pesat membangun dan masih kaya dengan ciri-ciri alam semulajadinya.

Saya amat berterima kasih kepada YB Dato' Dr. Chua Soi Lek, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri Johor di atas kerjasama Yang Berhormat Dato' selaku Pengerusi Bersama Penganjuran Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) 2003 ini. Saya juga berasa sungguh berbesar hati dengan sambutan dan kerjasama yang diberikan oleh warga negeri Johor melalui penyertaan dan kehadiran rakyat negeri ini pada Majlis Pelancaran pagi ini. Ini mencerminkan sikap tanggungjawab yang tinggi terhadap penjagaan alam sekitar.

Pada kesempatan ini, saya dan seluruh Ahli-Ahli Jawatankuasa Induk Sambutan MASM 2003, ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama semua pihak dalam menjayakan sambutan yang begitu bermakna ini. Bersempena dengan sambutan ini, adalah diharapkan Y.Bhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan akan turut bersama meneruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kepentingan penjagaan alam sekitar di peringkat organisasi dan setempat.

Excellencies, ladies and gentlemen,

It is a great pleasure for me to welcome you to the launching of Malaysia Environment Week 2003. Your presence here indeed reflects your strong support towards efforts to promote environmental awareness in our task to protect the environment, the present that we live in and the future bequeath to our children. The date of this occasion is especially chosen to commemorate the

signing of the Langkawi declaration on the environment signed by the Commonwealth Head of Governments in 1989 on the island of Langkawi. Fourteen years since, it is still my fervent hope that the spirit of guardianship on the environment is kept alive, interests for environmental details rekindled and efforts to protect the mother earth intensified. The theme for this year's celebration "Clean Environment for Healthy Living" is most timely as it reminds us that environment must be protected with utmost care for our own wellbeing.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Kemajuan dan tahap pencapaian sesuatu negara bukanlah hanya bergantung kepada pembangunan fizikal semata-mata tanpa mengambilkira keselesaan dan kesejahteraan hidup. Dalam masa yang sama manusia dan unsur hidupan lain memerlukan persekitaran yang bersih untuk menjana hasil yang penting untuk pembangunan negara dan insan itu sendiri. Oleh itu tema sambutan MASM pada tahun ini iaitu 'Alam Sekitar Bersih untuk Kehidupan Sejahtera' amat bertepatan sekali dan perlu kita hayati. Sebagai contoh, persekitaran yang bersih akan melahirkan minda yang tenang, jasad yang sihat dan seterusnya kehidupan yang sejahtera. Episod jerebu yang melanda negara beberapa tahun yang lalu sewajarnya mengingatkan kita tentang keadaan yang begitu tidak selesa dan mengganggu aktiviti harian kita. Kita juga sering melihat bagaimana persekitaran yang kotor dan tercemar akan memberi kesan yang buruk kepada kesihatan manusia sendiri

selain dari keperluan mengeluarkan kos perawatan yang tinggi untuk mendapatkan sumber yang bersih. Apa yang penting kini adalah kesedaran bahawa kita memerlukan persekitaran yang bersih untuk kehidupan yang sejahtera sahaja tidak mencukupi jika tanpa sebarang usaha untuk merealisasikannya.

Y.B. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sebagai langkah untuk mempelbagaikan usaha meningkatkan keberkesanan program kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat, adalah wajar supaya tumpuan program-program dipergiatkan di peringkat akar umbi dan kumpulan sasaran yang lebih spesifik. Justeru itu, JAS buat pertama kalinya telah menganjurkan satu persidangan peringkat kebangsaan mengenai Wanita dan Alam Sekitar pada bulan Ogos tahun ini. Melalui persidangan ini, saya difahamkan banyak ide-ide dan input yang memberangsangkan dilahirkan oleh peserta-peserta yang kebanyakan terdiri dari kalangan 'home makers'. Antara aktiviti mesra alam yang dijadikan amalan harian adalah pembelian bijak, pengurangan bahan-bahan buangan domestik melalui amalan kitar dan guna semula, dan penghijauan alam. Lebih menarik lagi adalah daya cipta yang tinggi yang ditunjukkan melalui penghasilan barangan berguna dari bahan yang terpakai. Saya berharap melalui pendekatan baru ini, usaha murni untuk membentuk masyarakat mesra alam akan membuah kejayaan.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga Alam yang saya hormati,

Saya yakin sekiranya kita menyedari dan menghayati bahawa alam anugerah Tuhan ini adalah sebenarnya amanah untuk kita makmurkan, hormati dan pulihara, kita akan lebih berusaha untuk memuliharanya sebaik mungkin demi kesejahteraan kita dan generasi akan datang. Manusia juga perlu sedar bahawa setiap kejadian dan makhluk lain sebenarnya telah diciptakan dengan peranan untuk menyokong kehadiran manusia di atas muka bumi ini.

Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di bawah pimpinan YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman apabila mengambil langkah murni ke arah pemuliharaan alam sekitar dengan mengisytiharkan tiga kawasan alam semulajadi di Negeri Johor sebagai Tapak Ramsar pada 31 Januari 2003 lalu. Kawasan-kawasan tersebut iaitu Pulau Kukup, Sungai Pulai dan Tanjung Piai yang merupakan sistem sokongan hidup yang kaya dengan warisan alam semulajadi seperti sumber perikanan dan spesi-spesi hidupan terancam. Ia juga memainkan peranan penting untuk menstabilkan alam sekitar seperti bertindak sebagai struktur tebatan banjir dan penahan tindakan ombak. Mudah-mudahan langkah mulia yang pihak YAB Dato' ambil ini akan menjadi penyumbang utama kepada kejayaan Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita.

Amanat beliau supaya dalam keghairahan mengejar pembangunan, kekayaan alam semulajadi dan kebersihan kualiti alam sekitar bumi Malaysia tidak sewajarnya diabaikan perlu kita realisasikan. Saya turut berharap tindakan yang berpandangan jauh Kerajaan Negeri Johor ini akan turut menjadi contoh dan ikutan Negeri-Negeri lain.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, setinggi-tinggi tahniah saya kepada Jawatankuasa Penganjur, YB Dato' Dr. Chua Soi Lek, Tuan Pegawai Daerah Kluang, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan dan orang perseorangan yang telah memberi kerjasama bagi menjayakan sambutan ini. Saya juga ingin sekali lagi merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada kerajaan dan rakyat Negeri Johor khususnya Daerah Kluang kerana sudi menjadi tuan rumah bagi Majlis Sambutan Minggu Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan tahun ini. Semoga sokongan dan kerjasama yang terjalin ini akan terus berkekalan bagi memastikan "Alam Sekitar Bersih untuk Kehidupan Sejahtera".

Sekian, terima kasih.

Wassalamu`alaikum wrt.

**P.Kukup.** 31/01/03; Johor; 647 ha; 01°19'N 103°25'E. State Park. Uninhabited mangrove island located 1 km from the southwestern tip of the Malaysian peninsula, one of the few intact sites of this type left in southeast Asia. The wetland supports such species as the Flying Fox *Pteropus vampyrus*, Smooth Otter *Lutra perspicillata*, Bearded Pig *Sus barbatus*, Long-tailed Macaque *Macaca fascicularis*, all listed as threatened, vulnerable or near-threatened under the IUCN Red Book. Pulau Kukup has been identified as one of the Important Bird Areas (IBA) for Malaysia. Globally vulnerable Lesser Adjutant *Leptoptilos javanicus* chooses this as a stop-over and breeding ground. Pulau Kukup is important for flood control, physical protection (e.g. as a wind-breaker), and shoreline stabilization as it shelters the mainland town from severe storm events. The coastal straits between Pulau Kukup and the mainland are a thriving industry for marine cage culture. The mudflats are rich with shellfish and provide food and income to local people. Tourism is another use of the island and the government has further plans to promote ecotourism. Ramsar site no. 1287.

**Sungai Pulai.** 31/01/03; Johor; 9,126 ha; 01°23'N 103°32'E. Forest Reserve. The largest riverine mangrove system in Johor State, located at the estuary of the Sungai Pulai river. With its associated seagrass beds, intertidal mudflats and inland freshwater riverine forest the site represents one of the best examples of a lowland tropical river basin, supporting a rich biodiversity dependent on mangrove. It is home for the rare and endemic small tree *Avicennia lanata*, animals such as a near-threatened and vulnerable Long-tailed Macaque, Smooth Otter and rare Flat-headed Cat and threatened birds species as Mangrove Pitta and Mangrove Blue Flycatcher, all included in the IUCN Red List. Relatively undisturbed parts including the Nipah swamps may be nesting sites of the Estuarine Crocodile. The site fringes play a significant role in shoreline stabilization and severe flood prevention in the adjacent 38 villages. The local population depends on the estuary as its mudflats, an ideal feeding, spawning and fattening ground, support a significant proportion of fish species. Other mangrove uses include wood cutting, charcoal production, aquaculture activities and eco-tourism. The current construction of a new port at the river estuary may represent a direct impact on the mangrove ecosystem, causing coastal erosion and water pollution from associated dredging and reclamation works and traffic. The site is managed in line with Integrated Management Plan for the sustainable use of mangroves in Johor state. Ramsar site no. 1288.

**Tanjung Piai.** 31/01/03; Johor; 526 ha; 01°16'N 103°31'E. State Park. The site consists of coastal mangroves and intertidal mudflats located at the southernmost tip of continental Asia, especially important for protection from sea-water intrusion and coastal erosion. Tanjung Piai supports many threatened and vulnerable wetland-dependent species such as Pig-tailed Macaque and Long-tailed Macaque, birds like Mangrove Pitta, Mangrove Blue Flycatcher, Mangrove Whistler. Globally vulnerable Lesser Adjutant may be observed in the vicinity of the site. The Scaly Anteater, Common Porcupine, Smooth Otter and Bearded Pig are classified as

vulnerable or near threatened listed in the IUCN Red Book 2000. Waters of the four main rivers traversing Tanjung Piai are abundant with commercially valuable species. The site enjoys the status of a State Park for eco-tourism -- a visitor centre with boardwalks near the southern tip of the park provides interpretive materials, guided walks, and overnight facilities, with a World Wetlands Day programme beginning in 2003. Due to increased sea traffic, the western side of Tanjung Piai has been affected by oil spills which caused natural erosion processes in nearly 70 ha of the mangrove forest. In addition, the new port being established in the estuary of Sungai Pulai will likely lead to increased wave energy reaching the east shore of Tanjung Piai, thus accelerating coastal erosion. (**Reprint of the RIS.**) Ramsar site no. 1289.